

14 FEB 2003

Mustapa-Perpaduan

UMAT ISLAM MESTI TINGKATKAN PERPADUAN, KATA MUSTAPA

JELI, 14 Feb (Bernama) -- Umat Islam mesti meningkatkan lagi perpaduan sesama mereka dalam persekitaran global yang menyaksikan dunia Islam sedang menghadapi cabaran dari Amerika Syarikat.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata cabaran itu menuntut umat Islam di seluruh dunia supaya bersatu padu.

"Di Malaysia, umat Islam mesti berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempertahankan kedudukan umat dan negara Islam," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka hari raya Aidiladha di kediamannya di Kemahang dekat sini, hari ini.

Mustapa, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata sekarang bukan masanya untuk umat Islam bercakaran sesama mereka.

"Sebaliknya ini masanya untuk kita menyatupadukan segala usaha, menggembleng segala tenaga untuk melawan musuh-musuh kita dari dalam dan juga luar negara," katanya.

Mustapa juga berkata pemimpin PAS kini membuat dakwaan di merata tempat kononnya Umno memerangi Islam dan menghapuskan sistem pendidikan Islam berikutan langkah kerajaan menghentikan bantuan perkapita kepada sekolah agama rakyat.

Beliau menyifatkan dakwaan itu sebagai fitnah kerana apa yang dibuat oleh Umno adalah untuk memantapkan lagi sekolah dan kelas agama di bawah pentadbiran kerajaan pusat.

"Kita yakin dengan pembaharuan yang dilakukan, rakyat Malaysia akan mendapat pendidikan Islam yang lebih sempurna," katanya.

Katanya PAS akan menggunakan isu pendidikan Islam untuk menabur fitnah bagi mendapatkan sokongan politik dengan memperbesar-besarkan isu itu.

"Pemimpin PAS kini semakin terdesak dan tidak mempunyai modal, mereka akan lebih "garang" dengan isu itu apabila pilihan raya semakin hampir," katanya.

Beliau percaya rakyat yang berfikiran waras akan dapat menepis segala tuduhan dan tohmahan yang dilemparkan itu.

-- BERNAMA

SMO BD ROS